

Headline **Pesakit HIV buat kerja amal**  
Date **30 Jul 2011**  
MediaTitle **Harian Metro (Johor)**  
Section **News**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **43**  
Article Size **297 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,386**  
PRValue **19,158**



# Pesakit HIV buat kerja amal

Mary Victoria Dass



**J**OHOR BAHRU: "Pengalaman anak sulung yang terdesak mencuri setin sardin bagi mengisi perut kami lima beranak awal tahun ini tidak dapat dilupakan seumur hidup, malah meningkatkan azam mengubah nasib keluarga.

"Saya bersyukur kerana bantuan serta sokongan moral pelbagai pihak, kami kini mampu menjalani kehidupan lebih selesa malah ingin membantu golongan kurang bernasib baik," kata pengurus pusat perlindungan kanak-kanak bermasalah, Rumah Sinar Sofia, Ari Rahayu Rahmat, 41, di sini, semalam.

Rahayu yang juga penghidap HIV positif berkata, sekurang-kurangnya dua kali seminggu pihaknya menyampaikan bantuan makanan kepada hampir 20 individu yang hidup merempat di sekitar bandar raya ini.

Menurutnya, usaha dijalankan itu juga dijangka mampu membuka mata orang ramai untuk menghulurkan bantuan kepada golongan berkenaan termasuk penghidap HIV positif yang bukan setakat dipulaukan keluarga, malah gagal mendapat perhatian masyarakat.

"Contoh paling mudah saya sendiri yang menghidap penyakit ini menerusi bekas suami dan stigma masyarakat terhadap penghidap HIV positif masih belum hilang.

"Mereka simpati dengan nasib pesakit barah mahupun buah pinggang sebaliknya memandang keji

penghidap HIV positif," katanya.

Rahayu yang baru bernikah semula dua bulan lalu, berkata Rumah Sinar Sofia di Jalan Rawa, Taman Perling, yang dibuka juga dua bulan lalu kini menempatkan tujuh kanak-kanak termasuk seorang kanak-kanak orang kurang upaya (OKU).

Rahayu turut berharap dapat membantu lebih ramai golongan yang kurang bernasib baik pada masa depan.

"Tambahan pula, suami, Rosli Ismail, 43, juga penghidap HIV positif pernah menjadi sukarelawan di sebuah pusat perlindungan penghidap HIV positif selama empat tahun.

"Rosli banyak membantu saya menguruskan Rumah Sinar Sofia dan pada masa sama, kami turut mengalu-alukan sumbangan daripada orang ramai sama ada makanan, buku, pakaian, alat permainan mahu pun lampin pakai buang," katanya.

Headline **Pesakit HIV buat kerja amal**  
Date **30 Jul 2011**  
MediaTitle **Harian Metro (Johor)**  
Section **News**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **43**  
Article Size **297 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **6,386**  
PRValue **19,158**

